

M 0033/07

Babulang Tanda Status Bisaya

Oleh JOSEPH BLANDOI

Ringkasnya, *babulang* merupakan pesta untuk meraikan kejayaan. Roger D. Peranio, penyelidik budaya menceritakan amalan membulang taji di kalangan masyarakat Bisaya pada tahun 1958.

Dalam komuniti Bisaya, kemampuan mengadakan jamuan adalah salah satu cara untuk menaikkan status sosial seseorang. Individu atau keluarga dianggap berada atau berkemampuan (*jalamaq aro-aro*) dan amat dihormati, jika mereka dapat mengadakan jamuan yang besar. Kemeriahinan atau skala jamuan tersebut menjadi pengukur kepada tahap ‘kedudukan’ atau nama (*ngaran*) seseorang individu atau keluarganya dalam masyarakat Bisaya.

Babulang boleh berlangsung sehingga satu minggu, bergantung pada jumlah hari yang telah ditetapkan atau dijanjikan dan bilangan tetamu yang dijemput; yang datang dari beberapa buah kampung. Perbelanjaannya beribu ringgit. Menurut Sandin, dalam perayaan *babulang* pada tahun 1969 di Kampung Tanjung, Limbang, sebanyak sebelas (11) ekor kerbau telah disebelih sebagai hidangan kepada para tetamu. Pada akhir tahun 1960-an dan awal tahun 1970-an, seekor kerbau berharga sekurang-kurangnya RM600.00. Harga bagi sebelas (11) ekor kerbau lebih kurang RM6600.00. Pada ketika itu, jumlah harga tersebut dianggap besar.

Selain kerbau, terdapat juga pelbagai perbelanjaan lain yang harus diambil kira; walau-pun ada penderma. Antara perbelanjaan lain ini termasuklah:

Bayaran sugu hati (*saguatiq or upa*) kepada individu yang membuat persembahan kebudayaan seperti nyanyian lagu asli – *jalamaq banding*, *jalamaq batiap*, *jalamaq basiram*;

Bayaran sugu hati kepada pemuzik – pemuzik gong (*jalamaq bagandang*), peniup seruling (*jalamaq babanci*); dan

Kos untuk menyediakan makanan dan minuman seperti nasi manis (*wajit*), nasi yang dimasak dalam gulungan daun (*kelupis*), nasi yang dimasak dengan santan (*dadi*), *kuih penyaram*, kek diperbuat daripada tepung beras dicampur/digaul dengan pisang (*panganan punti*), isi buah pisang atau cempedak yang digoreng dengan lemak (*liking*), emping (*amping*), arak Bisaya seperti arak nasi (*burak dan pengasi*), dan sebagainya.

Disebabkan perbelanjaan besar yang diperlukan untuk mengadakan *babulang* maka hanya mereka yang telah berjaya dalam hidup atau yang berharta sahaja mampu mengadakan *babulang*. Oleh sebab itulah ada sesetengah orang berpandangan bahawa *babulang*, dalam beberapa hal, bertujuan untuk “menunjukkan” kekayaan atau merupakan suatu pembaziran terhadap wang ringgit. Pandangan ini diperkuuhkan dengan kenyataan bahawa ada sesetengah *babulang* dianjurkan setelah penganjurnya dicabar untuk membuktikan kemampuan atau kekayaannya.

Walau bagaimanapun, pandangan ini tidaklah semestinya benar kerana ada *babulang* juga diraikan atas-atas sebab lain. Beberapa catatan awal para ahli etnografi dan pengembara yang menyatakan bahawa *babulang* diadakan sebagai tanda terima kasih kepada rakan-rakan yang telah membantu seseorang itu dalam menyembuhkannya daripada penyakit serius atau kemalangan; atau sebagai tanda kesyukuran kerana kejayaan. Misalnya, bersyukur kepada semangat padi kerana memperoleh hasil tuaian

TRADISI



Salah satu persembahan dalam acara *babulang*.

yang baik. Dahulu, *babulang* diadakan sekali dalam tempoh tiga tahun apabila hasil tuaian baik.

Dari sudut yang lain pula, *babulang* ialah pesta untuk meraikan seseorang atau keluarga yang berjaya menempuh cabaran. Jamuan diadakan bagi menghargai seseorang yang telah membantu kejayaannya.

Persediaan untuk perayaan *babulang* mungkin mengambil masa selama beberapa bulan. Antaranya mengumpul kayu api untuk memasak dan menjerang air untuk membuat air minuman, mengubah suai rumah yang merupakan tempat meraikan upacara tersebut, membuat khemah untuk para tetamu, membaik pulih jeti (*lanting*); menyediakan makanan, seperti amping (*emping*) dan arak – pengasi dan burak. Semasa membuat persediaan tersebut, kaum kerabat keluarga dan sahabat handai akan datang membantu keluarga yang membuat sambutan perayaan tersebut.

Sehari sebelum acara kemuncak perayaan, kerbau akan dikorbankan untuk hidangan sesiapa yang datang membantu dalam menyediakan *babulang*. Rumah akan dihiasi dengan beberapa tempat duduk yang istimewa dan dilengkapi dengan tilam (*pemajang maya tilam*), untuk ketua rombongan/tetamu. Pelbagai reka bentuk, kraf tangan, dan per-

hiasan tradisional lain masyarakat Bisaya akan menghiasi ruang rumah. Perkakas untuk menghidang sepertim talam tembaga (*ganca*) untuk meletakkan hidangan, makanan, tepak sirih pinang (*selapa* atau *celapa*, *langguai*) akan disusun atur dengan cantik.

Pada pagi hari *babulang* satu atau dua ekor kerbau dikorbankan dan dimasak untuk dihidangkan kepada tetamu; pada sebelah petangnya pula, ada beberapa ekor kerbau lagi yang akan disembelih. Pada pukul 3.00 petang, para tetamu yang mengenakan pakaian tradisional yang berwarna-warni (*baju masuk* atau *baju kebamban*) dan beg tangan tradisional, seperti *saging bidut* (*colourful basket*), mula tiba dengan perahu berhias atau rakit yang akan diiringi dengan muzik (seperti *tagungguq* – sebagai isyarat kepada tuan rumah bahawa mereka sedang menghampiri ke tempat perayaan) dan nyanyian lagu tradisional.

Sebaik sahaja tetamu tiba di jeti (*marakit pi pengkalan* atau *lanting*), pemuzik yang berada di rumah tempat perayaan tersebut akan mula memainkan muzik *gandang parang* (gendang perang) dan bedil (*badil*) ditembak ke udara sebagai tanda untuk menyambut kedatangan tetamu. Semasa dalam perjalanan ke tempat acara, permainan sabung ayam tradisi (*bata-pig*) akan dimulakan. Perlawanan ayam sabung

TRADISI

pertama akan menggunakan pisau besi (*bulang*) dan perlawanan kedua pula menggunakan taji yang ada pada ayam tersebut. Pertandingan menyabung ayam diadakan untuk memberikan penghargaan kepada 'penjaga roh' yang datang bersama para tetamu. Walau bagaimanapun, pada masa ini penggunaan taji atau pisau besi tidak lagi diamalkan. Penyabungan ayam diadakan hanya secara simbolik memandangkan orang Bisaya kini kebanyakannya menganut agama Kristian atau Islam.

Sejurus selepas pertandingan sabung ayam tamat, tetamu akan dijemput ke dalam rumah yang mengadakan perayaan tersebut. Sebaik sahaja ketibaan mereka, semua ketua rombongan/ tetamu akan diperlihatkan dengan makanan yang telah dihidangkan pada tilam dan di dulang pagar. Semasa mereka berjalan lalu, mereka akan ditaburkan dengan beras kuning atau beras kunyit (*agas kunyit*). Selesai sahaja rombongan itu berjalan, penyambut tetamu mempersilakan mereka duduk untuk memenuhi setiap ruang yang ada. Mereka akan dihidangkan atau dipersembahkan dengan sirih pinang (*pinang-daing* atau *mitat*) dan cerut (*sigup*). Bagi sesiapa yang tidak mendapat tempat di dalam rumah tersebut, mereka boleh terus berada di rakit (*bangkar*) atau perahu, sambil menjamu selera dan merayakan *babulang*.

Sebaik sahaja para tetamu duduk, pelbagai makanan dan minuman akan dihidangkan. Semasa mereka menikmati makanan dan minuman tersebut, muzik dan nyanyian kaum Bisaya akan dipersembahkan untuk menghiburkan para tetamu. Apabila suasana semakin meriah, orang ramai akan mula membawa tetamu untuk menari atau menunjukkan bakat seni mempertahankan diri (*kuntau*, *sakak* atau *pancak silat*). Sewaktu hari semakin larut, sestengah tetamu mulai keletihan, gurau senda dan gelak ketawa mencetuskan keriangan kepada semua. Tetamu juga akan menikmati hidangan sehingga mereka berasa puas atau tidak dapat lagi menjamah makanan, ini akan berlanjutan sehingga beberapa hari. Kerbau yang baru mungkin akan disebelih dan makanan akan dimasak untuk dihidangkan para tetamu. Semasa perayaan, tuan rumah akan menyediakan sabun untuk kegunaan para tetamu mandi di sungai.

Setelah tetamu puas menikmati jamuan, mereka akan balik ke rumah masing-masing. Sebelum para tetamu pulang, tuan rumah akan memberikan buah tangan seperti daging kerbau, makanan dan minuman sebagai bekalan mereka dalam perjalanan pulang atau untuk ahli keluarga lain yang tinggal di rumah.

Kini, *babulang* diraikan secara bersama oleh seluruh Bisaya di tapak pesta di Batu Danau, Limbang. *Babulang* telah membawa banyak tujuan dan pengertian dalam tradisi masyarakat Bisaya. Pertama, *babulang* telah mencetuskan perpaduan antara ahli keluarga dan sahabat handai. Dalam tradisi masyarakat Bisaya, dan masa kini, seseorang itu haruslah baik hati bagi mendapat bantuan dengan baik. Ciri-ciri baik hati termasuklah menghormati orang lain (*binaq* atau *rumat jalamaq*), suka membantu (*suka nulung*), ramah (*tangku*), sifat kebijikan/ dermawan yang baik (*gan longon*), merendah diri (*onjop mambung* atau *onjop mangkog*). Dengan kata lain, *babulang* memupuk kualiti Bisaya yang baik.

Babulang juga boleh meninggikan taraf sosial seseorang individu di mata masyarakat Bisaya yang lain kerana mereka telah memperlihatkan keupayaan dan kredibiliti atas kejayaan menangani cabaran. Tambahan pula, dalam menjayakan *babulang*, individu tersebut mestilah bekerja keras bagi mendapatkan kekayaan, seterusnya mendorong orang lain untuk sama-sama bekerja keras dan berani menghadapi persaingan. Semangat yang tidak berputus asa, bekerja keras dan sanggup menerima cabaran merupakan inti pati yang penting bagi masyarakat Bisaya.

Ketiga, *babulang* mencerminkan hakikat bahawa masyarakat Bisaya berupaya menunaikan janji dan tahu menghargai segala bantuan orang lain.

Keempat, *babulang* menyerlahkan kekayaan dan nilai seni budaya masyarakat Bisaya. Hanya semasa perayaan *babulang*, tarian Bisaya, nyanyian, muzik, fesyen, hiasan, kraf tangan dan layanan mesra dipertunjukkan kepada para tetamu. Dalam perkataan lain, seni kebudayaan masyarakat Bisaya akan terpelihara dan diperkembangkan dengan meneruskan tradisi perayaan *babulang*. ■